

U GB 12-04 00181 BA638

Aab

Mahathir - Semangat

ALOR SETAR, 12 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Parti Semangat 46 akhirnya +akan tenggelam+ berikutan semakin ramainya pemimpin dan anggota parti itu yang keluar untuk menyertai UMNO.

Katanya, Parti Semangat 46 +akan tenggelam+ kerana parti itu tidak mempunyai +perjuangan yang bermakna langsung kecuali memecah-belahkan orang Melayu sahaja.+

+Sekarang ini nampak ada kesedaran bahawa perjuangan mereka tidak bermakna sama sekali. Tak dapat sokongan daripada rakyat. Dan 46 kalah di seluruh negara, cuma di Kelantan sahaja mereka menang,+ katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir dan isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali pulang ke sini untuk menghadiri majlis berbuka puasa bersama rakyat di Persatuan Peladang MADA Tunjang malam ini.

Mengenai kemungkinan UMNO membenarkan Anggota Dewan Undangan Negeri dari Parti Semangat 46 di Kelantan bertanding semula atas tiket UMNO sekiranya diadakan pilihan raya kecil pada masa depan, beliau berkata, UMNO akan menimbang perkara itu. -- Lagi.

♥12/04/18-26MST

U GB 12-04 00170 BA639

Aab

Mahathir - Semangat 2 Alor Setar

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO, mengulangi pendirian parti bahawa ia akan menerima semua bekas anggotanya yang telah memasuki Parti Semangat 46 dan kini ingin kembali semula menyertainya.

+Saya fikir mereka sudah sedar dan sekarang balik kepada UMNO. Dan dasar UMNO, kita terima siapa saja yang nak masuk,+ katanya.

Beliau juga menyambut baik tindakan bekas Pengerusi Perhubungan Parti Semangat 46 Kedah, Datuk Zainol Abidin Johari, yang telah keluar daripada parti itu pada 28 Mac lepas untuk menyertai UMNO.

Datuk Seri Mahathir berkata UMNO juga tidak akan menawarkan apa-apa jawatan kepada anggota Parti Semangat 46 yang hendak menyertai semula UMNO.

Mengenai cadangan Kerajaan Kelantan untuk meluluskan undang-undang +antilompat parti+ di negeri itu, beliau berkata ia hak kerajaan negeri itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Haji Osman Aroff dan isterinya, Datin Seri Hajah Azizah Haji Abdul Hamid berada di lapangan terbang untuk menyambut ketibaan Perdana Menteri dan isteri. -- Bernama.

♥12/04/18-30MST